



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PKPMP.KP.100-13/6/3 (1)

Tarikh : 31. Mei 2016

Semua Pengarah Mahkamah Negeri  
**SEMENANJUNG MALAYSIA**

Semua Pengarah Bahagian / Ketua Unit  
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**WAKTU BEKERJA SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1437H  
BAGI MAHKAMAH-MAHKAMAH SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dengan persetujuan YAA Ketua Hakim Negara, adalah dimaklumkan bahawa sepanjang bulan Ramadhan 1437 Hijrah (dijangka bermula dari 6 Jun 2016 hingga 5 Julai 2016), waktu bekerja bagi semua warga mahkamah seluruh Semenanjung Malaysia adalah menggunakan Waktu Bekerja Berperingkat WP1 iaitu dari jam **7.30 pagi hingga 4.30 petang**.

3. Bagi pegawai / kakitangan yang tidak berhasrat untuk menggunakan Waktu Bekerja Berperingkat WP1, pegawai / kakitangan tersebut bolehlah mengekalkan waktu bekerja sedia ada tertakluk kepada kelulusan Pengarah Mahkamah Negeri masing-masing atau Pengarah Bahagian / Ketua Unit di Istana Kehakiman.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATIN LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

...2/-

- s.k. i) YAA Ketua Hakim Negara  
ii) YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
iii) YAA Hakim Besar Malaya  
iv) YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP